

Mara sasar 200 usahawan dalam bidang Motormart

Oleh RAJMAH HASAN

UM-28/11/2006

DUNGUN 27 Nov. - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan berusaha mewujudkan 200 usahawan baru dalam industri penjualan dan penyelenggaraan motosikal di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, usahawan baru dalam bidang itu adalah sebahagian daripada objektifnya dalam melahirkan 150,000 usahawan bumiputera di bawah RMK-9.

Menurut beliau, di bawah Program Perintisan Perniagaan Motosikal (Motormart) itu, Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan mengusahakan pelbagai pendekatan bagi mencapai matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

"Mara telah mengenal pasti industri motosikal di Malaysia adalah antara industri yang berkembang pesat, malah sehingga kini terdapat lebih kurang lima juta pemilik berdaftar motosikal di negara ini.

"Berdasarkan permintaan pasaran terhadap perkhidmatan menyelenggara dan membaiki motosikal, bengkel membaiki dan servis motosikal amat diperlukan di seluruh negara," katanya pada majlis pelan-

caran Program Motormart Peringkat Kebangsaan dan pembukaan rasmi Perniagaan Hussin Motor di Taman Bunga Raya, Jalan Paka di sini, hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ahli Parlimen Dungun, Datuk Rosli Mat Hassan dan Pengarah Mara Terengganu, Razali Nurdad.

Mohamed Khaled berkata, program berkenaan digerakkan dengan pendekatan 'total concept' iaitu bengkel-bengkel sedia ada akan dipertingkatkan ke tahap bengkel pelbagai perkhidmatan motosikal yang berpiawai tinggi.

Bagi tujuan itu, jelas Mohamed Khaled, Mara menyediakan tiga pakej bantuan pinjaman tanpa faedah kepada mana-mana usahawan yang berminat menyertai Program Motormart.

"Usahawan yang berminat akan diberikan bantuan pinjaman berbentuk pakej iaitu RM300,000, RM400,000 serta RM500,000 dan Mara tidak akan mengenakan sebarang faedah untuk pinjaman ini.

"Bantuan akan merangkumi ke-

mudahan mesin dan peralatan, modal perniagaan, pemasaran, premis dan ruang niaga," katanya.

Jelasnya, peserta dikehendaki terlebih dahulu lulus dalam ujian keusahawanan anjuran Mara sebelum layak memperoleh bantuan pinjaman itu.

Tambah beliau, pakej itu juga merangkumi latihan teknikal serta khidmat nasihat bagi membolehkan usahawan terbabit dapat meningkatkan keupayaan mereka dalam perniagaan serta kemahiran penyelenggaraan.

"Seseorang peniaga itu tidak akan maju jika sekadar membuka sebuah perniagaan tanpa mempunyai ilmu pengetahuan serta kemahiran tinggi dalam bidang yang ceburnya itu," katanya.

Untuk itu, katanya, Mara mengadakan perkongsian pintar dengan peneraju industri motosikal seperti NAZA, KF BIG 1 Motor serta Modenas dalam bidang kursus latihan pengurusan, kemahiran serta program perkhidmatan lepas jualan.